



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH TEKANAN KEWANGAN TERHADAP KESEJAHTERAAN MAHASISWA/I UNIVERSITI DI MALAYSIA

KAUSALYAA A/P K.SUPPIAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH TEKanan KEWANGAN TERHADAP KESEJAHTERAAN
MAHASISWA/I UNIVERSITI DI MALAYSIA**

KAUSALYAA K.SUPPIAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (EKONOMI)
DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya telah menyelesaikan Projek Tahun Akhir dan dengan projek ini saya akan menyelesaikan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan saya. Pertama sekali, saya amat berterima kasih kepada pensyarah Puan Nurhanie binti Mahjom yang banyak membantu dan memperbetulkan kesalahan saya dalam menyelesaikan laporan projek akhir tahun ini. Bukan itu sahaja, dorongan, sokongan dan pengingatan yang berterusan juga diberikan sepanjang tempoh memenuhi tugas ini amat dihargai. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan atas bimbingan dan nasihat untuk menyiapkan projek ini dengan penuh kesabaran.

Selain itu, saya amat berterima kasih kepada rakan-rakan saya iaitu Khaw Zhi Wei dan Kong Siew Lan yang membantu dan memberi motivasi kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir dengan lancar. Mereka banyak memberi idea serta pendapat dalam menyelesaikan laporan projek tahun akhir ini. Saya tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan baik tanpa bantuan dan bimbingan mereka. Perkongsian idea dan pendapat antara kami telah banyak membantu kami untuk membuat projek ini yang dapat menggalakkan pemikiran saya. Saya berasa bertuah untuk mendapatkan panduan, perkongsian pengetahuan dan dorongan sepanjang tempoh melaksanakan projek tahun akhir ini.

Sekian terima kasih.

Yang Ikhlas,

(KAUSALYAA A/P K.SUPPIAH)

ABSTRAK

Tekanan kewangan telah mencetuskan kesan yang berbeza. Kajian ini dijalankan adalah untuk menyenaraikan kesan tekanan kewangan yang dominan, mengkaji hubungan antara tekanan kewangan dengan kesan tekanan kewangan dan menentukan pengaruh tekanan kewangan terhadap kesejahteraan mahasiswa/i di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpulkan dan menghasilkan data numerikal yang kemudian dianalisis menggunakan statistik. Kajian tinjauan ini melibatkan 138 orang mahasiswa/i universiti awam di Malaysia yang dipilih secara persampelan berkelompok. Data kajian ini diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS. Korelasi Pearson dan analisis regresi linear digunakan untuk menguji hipotesis yang dicadangkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh antara penglibatan pelajar serta kesejahteraan emosi dengan tekanan kewangan tetapi tiadanya hubungan dan pengaruh antara prestasi akademik, kesejahteraan fizikal, kesejahteraan sosial dengan tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan kesan yang tidak begitu ketara disebabkan kebanyakan responden merupakan responden perempuan dan juga daripada fakulti pengurusan dan ekonomi yang mempunyai pengetahuan tentang celik kewangan serta bijak untuk menguruskan kewangan mereka. Penyelidik akan datang harus menjalankan penyelidikan di lebih banyak universiti awam serta meningkatkan saiz sampel responden untuk mencapai ketepatan data yang lebih tinggi. Kajian ini dapat memberi maklumat berguna kepada pihak yang berkepentingan seperti kerajaan dan pembuat dasar, universiti dan ahli akademik. Namun, pengujian semula dan penambahbaikan terhadap kajian amatlah diharapkan.



THE EFFECT OF FINANCIAL STRESS ON THE WELL-BEING OF UNIVERSITY STUDENTS IN MALAYSIA

ABSTRACT

Financial stress has elicited a diverse range of effects. This study was conducted to analyze the dominant effect of financial stress, examine the relationship between financial stress and its impacts as well as determine the influence of financial stress on the well-being of student in Malaysia. The quantitative approach with a sample survey method was used in this study to collect and produce numerical data which is analyzed using statistics. The sample was selected using cluster sampling method that involves 138 students from public universities in two selected universities in the state of Malaysia. Pearson Correlation and Linear Regression analysis was used to test the proposed hypothesis. The findings of this study show that there is a relationship and influence between student engagement and emotional well-being with financial stress, but there is no relationship and influence between academic performance, physical well-being, social well-being with financial stress among university student in Malaysia. The results of the study show that the effect is not significant due to the majority of respondent being female respondent and also from the faculty management of economics who have knowledge about financial literacy and also wise to manage their finances. Future researchers should conduct research in more public universities as well as increase the sample size of respondents to achieve higher data accuracy. This study provides useful information to the parties involved such as government and policy makers, universities as well as scholars. However, retesting and improvement of the study is highly expected.





ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.4 PERSOALAN KAJIAN	4
1.5 HIPOTESIS KAJIAN	5
1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	6
1.7 DEFINISI KONSTRUK KAJIAN	6
1.7.1 Prestasi akademik	6
1.7.2 Penglibatan pelajar	7
1.7.3 Kesejahteraan fizikal	7
1.7.4 Kesejahteraan emosi	8
1.7.5 Kesejahteraan sosial	8
1.7.6 Tekanan kewangan	9
1.8 BATASAN KAJIAN	9
1.9 KEPENTINGAN KAJIAN	10
1.10 KESIMPULAN	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	



2.0	Pengenalan	12
2.1	Penjelasan Konstruk/Analisis Kajian Lepas	12
2.2.1	Tekanan Kewangan	12
2.2.2	Tekanan Kewangan terhadap Kesejahteraan Kewangan	14
2.2.3	Sosioekonomi terhadap Prestasi Pelajar	15
2.2.4	Teknologi terhadap Penglibatan Pelajar	17
2.2.5	Kesihatan Mental terhadap Kesejahteraan Fizikal	19
2.2.6	Pendapatan terhadap Kesejahteraan Emosi	21
2.2.7	Kesejahteraan Psikologi dan Kesejahteraan Sosial	23
2.2	Teori Berkaitan Kajian	24
2.3	Pembangunan Hipotesis	27
2.3.1	Pembangunan Hipotesis untuk Kesan Prestasi Akademik	27
2.3.2	Pembangunan Hipotesis untuk Kesan Penglibatan Pelajar	29
2.3.3	Pembangunan Hipotesis untuk Kesan Kesejahteraan Fizikal	31
2.3.4	Pembangunan Hipotesis untuk Kesan Kesejahteraan Emosi	33
2.3.5	Pembangunan Hipotesis untuk Kesan Kesejahteraan Sosial	35
2.4	Kesimpulan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	38
3.1	Reka Bentuk Kajian	38
3.2	Lokasi Kajian	40
3.3	Populasi dan Sampel	40
3.4	Instrumen dan Pengukuran Item	43
3.5	Kajian Rintis	48
3.5.1	Kesahan	49
3.5.2	Kebolehpercayaan	51
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	52

3.7 ANALISIS DATA	54
3.8 KESIMPULAN	56

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN	57
4.1 PROFIL RESPONDEN	57
4.1.1 Tekanan Kewangan	62
4.1.2 Prestasi Akademik	64
4.1.3 Penglibatan Pelajar	66
4.1.4 Kesejahteraan Fizikal	68
4.1.5 Kesejahteraan Emosi	70
4.1.6 Kesejahteraan Sosial	71
4.2 ANALISIS BERDASARKAN BILANGAN OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN	74
4.2.1 Analisis Min	74
4.2.2 Analisis Pekali Korelasi Pearson	75
4.2.3 Analisis Regresi Linear	77
4.3 KESIMPULAN	84

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN	85
5.1 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	85
5.2 IMPLIKASI KAJIAN	93
5.2.1 Kerajaan dan Pembuat Dasar	93
5.2.2 Universiti	93
5.2.3 Ahli Akademik	94
5.3 BATASAN KAJIAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN MASA HADAPAN	94
5.3.1 Batasan Kajian	94
5.3.2 Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	95
5.4 KESIMPULAN	95
Rujukan	96
Lampiran	109

SENARAI JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 3.1 Pecahan populasi mengikut universiti awam di Malaysia	41
Jadual 3.2 Penentuan saiz sampel bagi UM dan UPSI	43
Jadual 3.3 Skala Likert	44
Jadual 3.4 Skala Likert	45
Jadual 3.5 Item soal selidik	45
Jadual 3.6 Keputusan ujian korelasi	50
Jadual 3.7 Jadual Interpretasi Skor Alpha Cronbach	52
Jadual 3.8 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	52
Jadual 3.9 Teknik analisis bagi setiap objektif	54
Jadual 3.10 Nilai dan kekuatan hubungan korelasi Pearson	55
Jadual 4.1 Jantina responden	57
Jadual 4.2 Umur responden	57
Jadual 4.3 Bangsa responden	58
Jadual 4.4 Agama responden	58
Jadual 4.5 Universiti responden	58
Jadual 4.6 Semester Terkini responden	58
Jadual 4.7 Fakulti responden	58
Jadual 4.8 PNGK Terkini responden	59
Jadual 4.9 Semester Tekanan Kewangan responden	59
Jadual 4.10 Tahap Tekanan Kewangan responden	59
Jadual 4.11 Taburan data item-item tekanan kewangan	62
Jadual 4.12 Taburan data item-item prestasi akademik	64
Jadual 4.13 Taburan data item-item penglibatan pelajar	66
Jadual 4.14 Taburan data item-item kesejahteraan fizikal	68
Jadual 4.15 Taburan data item-item kesejahteraan emosi	70
Jadual 4.16 Taburan data item-item kesejahteraan sosial	71
Jadual 4.17 Analisis Mengikut Kesan Tekanan Kewangan yang Dominan	74

Jadual 4.18 Ringkasan Analisis Pekali Korelasi Pearson	75
Jadual 4.19 Output Regresi Linear antara Tekanan Kewangan dan Prestasi Akademik	77
Jadual 4.20 Output ANOVA antara Tekanan Kewangan dan Prestasi Akademik	78
Jadual 4.21 Pekali Regresi antara Tekanan Kewangan dan Prestasi Akademik	78
Jadual 4.22 Output Regresi Linear antara Tekanan Kewangan dan Penglibatan Pelajar	79
Jadual 4.23 Output ANOVA antara Tekanan Kewangan dan Penglibatan Pelajar	79
Jadual 4.24 Pekali Regresi antara Tekanan Kewangan dan Penglibatan Pelajar	79
Jadual 4.25 Output Regresi Linear antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Fizikal	80
Jadual 4.26 Output ANOVA antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Fizikal	80
Jadual 4.27 Pekali Regresi antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Fizikal	81
Jadual 4.28 Output Regresi Linear antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Emosi	81
Jadual 4.29 Output ANOVA antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Emosi	82
Jadual 4.30 Pekali Regresi antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Emosi	82
Jadual 4.31 Output Regresi Linear antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Sosial	83
Jadual 4.32 Output ANOVA antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Sosial	83
Jadual 4.33 Pekali Regresi antara Tekanan Kewangan dan Kesejahteraan Sosial	83

SENARAI RAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
Jadual 1.1 Kerangka Konseptual	6
Jadual 3.1 Penentuan saiz sampel melalui perisian G-Power	42



SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH

NHMS	Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
GPA	Purata Nilai Gred
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UM	Universiti Malaya
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abiddin
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development





SENARAI LAMPIRAN

- A Model Teori Transaksional Tekanan dan Daya Tindak
- B Borang Soal Selidik
- C Data Kesahan dalam SPSS
- D Data Kebolehpercayaan dalam SPSS
- E Data Profil Responden
- F Taburan data item-item
- G Data Analisis Min
- H Data Analisis Pekali Korelasi Pearson
- I Data Analisis Regresi Linear



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini memberikan penjelasan ringkas mengenai kajian. Dalam bab ini, penyelidik akan menfokuskan dan memperincikan tentang pengenalan kajian dimana subtajuk 1.1 menerangkan tentang latar belakang kajian manakala subtajuk 1.2 menghuraikan tentang permasalahan kajian. Subtajuk 1.3 seterusnya menghuraikan tentang objektif kajian, sementara subtajuk 1.4 menimbulkan tentang persoalan kajian yang selaras dengan objektif kajian. Subtajuk 1.5 pula menyatakan hipotesis kajian yang akan diuji dan kemudiannya subtajuk 1.6 menerangkan tentang kerangka konseptual kajian. Subtajuk 1.7 memberikan definisi konsep dan operasional manakala subtajuk 1.8 menghuraikan tentang batasan kajian. Akhir sekali, subtajuk 1.9 menerangkan tentang kepentingan kajian ini dan subtajuk 1.10 akan meringkaskan bab ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tekanan merupakan desakan atau paksaan yang memberi tindak balas fizikal, emosi dan sosial yang diterima oleh seseorang apabila tuntutan tidak dapat dipenuhi. Tekanan yang dialami oleh seseorang merupakan suatu isu yang sentiasa hangat diperkatakan di

dalam laman sosial sehingga kini. Menurut Berita Harian (2020, Oktober 10) telah dinyatakan oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 bahawa hampir setengah juta rakyat mengalami tekanan di negara. Tekanan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia semasa bermulanya pandemik Covid-19 adalah paling tinggi yang mana tekanan yang tinggi menyebabkan kepincangan rumah tangga dan juga berlakunya kes bunuh diri.

Tekanan merupakan kebimbangan yang dialami dalam kehidupan seseorang yang berpunca daripada masalah yang dihadapi oleh seseorang yang mana tekanan yang dihadapi adalah seperti tekanan hidup, tekanan di tempat kerja, tekanan kewangan. (Muhiddin Ishak & Dr. Saiful Effendi Syafruddin, 2021). Masalah kewangan merupakan situasi dimana seseorang itu tidak mampu untuk membayar hutang dalam jangka pendek atau panjang atau memenuhi keperluan asas yang diperlukan. Penyelesaian untuk pembayaran hutang perlu diselesaikan supaya hutang boleh dibayar balik dan jika tidak diselesaikan maka masalah kewangan akan bertambah kemudian menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan kewangan. Seorang profesor yang memiliki PhD dalam psikologi di DePaul Universiti iaitu Kathryn Grant telah menyatakan masalah kewangan merupakan masalah yang sangat biasa dan perkara paling tertekan yang boleh berlaku kepada keluarga (Abrams, 2022). Hal ini juga bermakna apabila sesebuah keluarga itu menghadapi masalah kewangan ia bukan sahaja menyebabkan ibu bapa sahaja yang berasa tertekan malah anak-anak yang berada di keluarga tersebut juga turut merasa tertekan.

Mahasiswa/i universiti merupakan mahasiswa/i yang menuntut di institusi pengajian tinggi samada separuh masa atau sepenuh masa. Apabila mahasiswa/i mendapat tawaran kemasukan ke universiti, mahasiswa/i yang dari latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah seperti golongan B40 akan menghadapi halangan dan juga mempunyai perasaan kebimbangan. Sebelum mahasiswa/i tersebut memasuki ke alam kampus, keluarga mahasiswa/i tersebut mula dibebani dengan masalah kewangan seperti tidak mampu untuk membayar yuran pendaftaran yang termasuk yuran kolej kediaman serta kos perjalanan ke universiti yang mahasiswa/i tersebut

mendapat tawaran. Hal ini merupakan satu cabaran yang besar kepada keluarga mahasiswa/i yang daripada golongan B40 yang perlu mendepani dengan cabaran kewangan sebaik sahaja mahasiswa/i memasuki alam universiti.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Tekanan kewangan merupakan isu yang hangat diperkatakan di laman sosial sehingga kini yang membimbangkan pihak yang berkaitan baru-baru ini. Mahasiswa/i universiti yang menghadapi tekanan kewangan akan memberikan kesan kepada mahasiswa/i tersebut akibat tekanan kewangan yang dihadapi. Menurut Berita Harian (2023, 2 Mei), Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Dr Abdul Riezal Dim, berkata biasiswa dan pinjaman pelajaran banyak membantu mahasiswa/i dalam melunaskan yuran pengajian namun membuatkan mahasiswa/i tertekan adalah bayaran lain selain daripada yuran pengajian yang perlu dilakukan iaitu seperti kos sara hidup di kolej kediaman. Oleh itu, masalah kewangan yang wujud dalam kalangan mahasiswa/i universiti yang menyebabkan mereka terpaksa mengorbankan pengajian mereka.

Masalah kewangan ini secara langsung akan mengakibatkan berlakunya tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti terutamanya mahasiswa/i daripada golongan B40 dimana mereka terpaksa mengorbankan pembelajaran mereka untuk membantu mengurangkan beban keluarga. Statistik mahasiswa/i yang memohon penangguhan atau berhenti pengajian menunjukkan peningkatan yang ketara bagi sesi akademik 2020 sehingga 2023 yang mana bagi sesi akademik 2022/2023 jumlah semakin bertambah iaitu sebanyak 17 orang mahasiswa/i bagi sarjana muda, 502 orang mahasiswa/i sarjana dan sebanyak 588 orang mahasiswa/i kedoktoran menurut Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor yang merupakan Naib Canselor Universiti Malaya. Beliau juga menyatakan punca mahasiswa/i tersebut mengambil tindakan sedemikian adalah kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i tersebut.

Menurut berita The Malaysia Reserve (2022, April 29), kajian yang telah dilakukan melalui tinjauan pendapat yang mana 85% memilih untuk belajar dalam masa universiti yang lebih singkat manakala 78% mahasiswa/i pula memilih untuk pembelajaran atas talian jika pilihan tersebut lebih murah dimana bermaksud mahasiswa/i perlu membayar yuran pengajian yang lebih rendah. Mahasiswa/i bukan sahaja perlu membayar yuran pengajian malah tinjauan tersebut didapati sebanyak 57% menghadapi kesukaran untuk membayar kos sara hidup seperti sewa rumah, bil utiliti, makanan, kos perubatan dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Tambahan lagi, berdasarkan berita Free Malaysia Today (2022, Mac 3), Noraini Ahmad iaitu Menteri Pendidikan Tinggi telah menyatakan bahawa seramai 17,613 mahasiswa/i universiti awam tercicir tahun lepas manakala 5,165 mahasiswa/i telah menangguhkan pengajian dimana salah satu faktor yang menyumbang kepada isu ini adalah masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i yang secara langsung telah menjejaskan kesihatan mental mereka.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- i) Menyenaraikan kesan tekanan kewangan yang dominan terhadap mahasiswa/i universiti di Malaysia.
- ii) Mengkaji hubungan antara tekanan kewangan dengan kesan tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.
- iii) Menentukan pengaruh tekanan kewangan terhadap kesejahteraan mahasiswa/i di Malaysia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i) Apakah kesan tekanan kewangan yang dominan terhadap mahasiswa/i universiti di Malaysia?
- ii) Apakah hubungan antara tekanan kewangan dengan kesan tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia?

- iii) Adakah tekanan kewangan yang mempengaruhi kesejahteraan mahasiswa/i di Malaysia?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kewangan dengan prestasi akademik dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₂: Terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kewangan dengan penglibatan pelajar dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₃: Terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kewangan dengan kesejahteraan fizikal dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₄: Terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kewangan dengan kesejahteraan emosi dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₅: Terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan kewangan dengan kesejahteraan sosial dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₆: Tekanan kewangan mempunyai pengaruh terhadap prestasi akademik dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₇: Tekanan kewangan mempunyai pengaruh terhadap penglibatan mahasiswa/i dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₈: Tekanan kewangan mempunyai pengaruh terhadap kesejahteraan fizikal dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₉: Tekanan kewangan mempunyai pengaruh terhadap kesejahteraan emosi dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

H₁₀: Tekanan kewangan mempunyai pengaruh terhadap kesejahteraan sosial dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

1.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Pemboleh ubah tidak bersandar

Tekanan Kewangan



Pemboleh ubah bersandar

- Prestasi Akademik
- Penglibatan pelajar
- Kesejahteraan fizikal
- Kesejahteraan emosi
- Kesejahteraan sosial

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam rajah 1 di atas ialah melibatkan pemboleh ubah yang tidak bersandar merupakan tekanan kewangan. Sementara, pemboleh ubah bersandar terdiri daripada prestasi akademik, penglibatan pelajar, kesejahteraan fizikal, kesejahteraan emosi dan kesejahteraan sosial dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia.

1.7 DEFINISI KONSTRUK KAJIAN

1.7.1 Prestasi akademik

Menurut Dimiyati dan Mudijono (dikutip dalam Maria & Afandi, 2021), prestasi akademik merupakan hasil yang diperoleh oleh seseorang daripada interaksi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mulyono dan Setiawan (dikutip dalam Farah Wahyuni & Dahlia, 2020), prestasi akademik adalah tahap pencapaian seorang mahasiswa/i dengan usaha pembelajaran yang telah dilakukan secara terbaik dimana berpusatkan pada angka yang dicapai dalam proses pembelajaran di sekolah. Menurut Sumadi Suryabrata (dikutip dalam Masreviastuti, Nurbaya & Akbarina, 2020), prestasi akademik merupakan suatu istilah yang menunjukkan tahap pencapaian mahasiswa/i setelah mengikuti proses pembelajaran daripada program yang ditentukan dalam mencapai matlamat pembelajaran. Jadi daripada konsep prestasi akademik ini dapat disimpulkan bahawa dalam kajian ini prestasi akademik merupakan keputusan yang diperoleh oleh



mahasiswa/i setelah mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam mencapai matlamat pembelajaran di universiti.

1.7.2 Penglibatan pelajar

Menurut Abla dan Fraumeni (2019), penglibatan pelajar merupakan keadaan kesediaan dari segi intelek, emosi dan sosial untuk belajar yang dicirikan oleh penyertaan, rasa ingin tahu serta dorongan untuk mempelajari lebih banyak. Menurut Daniel (2022), penglibatan mahasiswa/i boleh ditakrifkan sebagai mahasiswa/i berminat, bersemangat dan memberikan perhatian yang sepenuhnya dalam pembelajaran mereka. Menurut Salleh et al. (dikutip dalam Ali & Hassan, 2018), penglibatan mahasiswa/i adalah keinginan, keperluan dan kehendak mahasiswa/i untuk melibatkan diri dalam aktiviti rutin sekolah seperti menghadiri kelas, mengikuti arahan guru dalam kelas serta menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Jadi daripada konsep penglibatan mahasiswa/i ini dapat disimpulkan bahawa dalam kajian ini penglibatan mahasiswa/i merupakan tahap penyertaan mahasiswa/i dalam aktiviti rutin yang diadakan di universiti seperti menghadiri kelas dan menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah sebelum tarikh akhir penghantaran tugas.

1.7.3 Kesejahteraan fizikal

Menurut Abu Bakar, Safie & Suhaimi (2022), kesejahteraan fizikal merupakan kapasiti daya tahan kardiovaskular, jisim otot serta komposisi badan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (dikutip dalam Nor Ezdanie Omar, 2009), kesejahteraan fizikal merupakan salah satu unsur dalam kesihatan holistik yang melibatkan daya tahan kardiovaskular, jisim otot dan komposisi badan. Kesejahteraan fizikal adalah keadaan seseorang anggota dan fungsi badan berada pada tahap yang terbaik untuk menguruskan kehidupan seharian dalam mencapai prestasi yang baik. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Oleh itu, daripada konsep kesejahteraan fizikal ini boleh dirumuskan bahawa dalam kajian ini kesejahteraan fizikal merujuk kepada fungsi badan



mahasiswa/i berada pada keadaan dan tahap yang terbaik untuk menguruskan kehidupan seharian di universiti.

1.7.4 Kesejahteraan emosi

Menurut Afridah, et al. (2022), kesejahteraan emosi adalah keadaan emosi yang merangkumi kebahagiaan, kepuasan hidup beserta keseimbangan antara kesan positif dan negatif. Menurut Ahmad, Z., Ahmad, A. R., & Awang, M. M. (2019), kesejahteraan emosi adalah kebolehan atau keupayaan seseorang untuk memahami serta menilai emosi untuk mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Menurut Keyes (dikutip dalam Langeland, Eva., 2014), kesejahteraan emosi termasuk keseimbangan positif dari kesan menyenangkan kepada tidak menyenangkan serta penilaian kepuasan kognitif terhadap kehidupan secara umum. Oleh itu, daripada konsep kesejahteraan emosi ini dapat dirumuskan bahawa dalam kajian ini kesejahteraan emosi merujuk kepada keadaan emosi yang merangkumi kebahagiaan, keseimbangan positif serta kepuasan hidup dalam kehidupan mahasiswa/i secara keseluruhan.

1.7.5 Kesejahteraan sosial

Menurut Abu Bakar, Safie, dan Suhaimi (2022), kesejahteraan sosial adalah kebolehan untuk berinteraksi dengan orang lain serta menjalankan tanggungjawab sebagai masyarakat dalam menerima pelbagai jantina, bangsa, agama, adat resam dan budaya. Menurut Nor Ezdianie Omar (2009), kesejahteraan sosial merupakan keupayaan seseorang untuk berinteraksi dengan orang lain serta berupaya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai masyarakat dalam menerima pelbagai jantina, bangsa, agama, adat resam dan budaya serta keupayaan untuk saling menyokong dan menghargai antara satu sama lain turut meyumbang kepada tenaga dan idea. Menurut Jufri (2020), kesejahteraan sosial ditakrifkan sebagai keseluruhan usaha sosial yang disusun dengan baik serta bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat mengikut konteks sosial yang termasuk aspek kehidupan masyarakat seperti budaya, adat resam, pendidikan, rawatan perubatan, perumahan, pendapatan dan sebagainya. Dalam kajian ini



kesejahteraan sosial merujuk kepada kemampuan mahasiswa/i universiti untuk berinteraksi dengan orang lain serta menerima perbezaan kehidupan masyarakat seperti pendapatan.

1.7.6 Tekanan kewangan

Menurut Marican, Zakaria dan Rahman (dikutip dalam Abdul Rahman dan Soffizzan, 2016), tekanan kewangan adalah satu tahap di mana seseorang tidak dapat memenuhi keperluan kewangan kerana keadaan kewangan yang merosot, yang menyebabkan seseorang itu merasa terbeban dan memberi kesan kepada orang lain dalam keluarga. Menurut Rahman, et al. (2021), penglibatan diri dalam kerumitan serta tanggungjawab kewangan akibat kekurangan wang ini didefinisikan sebagai tekanan kewangan. Menurut Britt, Ammerman, Barrett, & Jones (dikutip dalam Hicks, 2021), tekanan kewangan adalah kebimbangan yang berkaitan dengan keadaan kewangan peribadi seseorang. Oleh itu, daripada konsep tekanan kewangan ini dapat dirumuskan bahawa dalam kajian ini tekanan kewangan merujuk kepada kebimbangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i universiti yang tidak dapat memenuhi keperluan kewangan disebabkan kekurangan wang yang menyebabkan mahasiswa/i merasa terbeban serta menjejaskan orang lain.

1.8 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji membataskan skop kajian iaitu mengkaji lima kesan akibat tekanan kewangan sahaja iaitu prestasi akademik, penglibatan pelajar, kesejahteraan fizikal, kesejahteraan emosi dan kesejahteraan sosial yang mana pengkaji tidak mengkaji dalam skop yang lebih luas. Selain daripada itu, responden yang terlibat adalah mahasiswa/i universiti sahaja iaitu mahasiswa/i dari UM dan UPSI yang mana tidak merangkumi pihak universiti atau ibu bapa mahasiswa/i tersebut. Ini membataskan kajian pengkaji kepada mahasiswa/i terhadap tekanan kewangan ini.



1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tekanan kewangan terhadap mahasiswa/i universiti di Malaysia dilihat sebagai satu kajian yang penting yang harus dijalankan kerana isu ini merupakan isu yang masih wujud sehingga kini yang mana mahasiswa/i yang mengalami tekanan kewangan bercenderung untuk menangguhkan atau menghentikan pengajian demi mengurangkan beban keluarga. Berdasarkan pemerhatian saya, terdapat banyak kajian tekanan kewangan dilakukan di luar negara tetapi kurang di negara Malaysia mengenai kajian ini. Walaupun terdapat banyak kajian berbentuk tinjauan berkaitan dengan tekanan kewangan tetapi kajian ini adalah untuk melihat kepada kesan tekanan kewangan iaitu untuk melihat kesan yang dominan terhadap tekanan kewangan, hubungan antara tekanan kewangan dengan kesan tekanan kewangan dan juga pengaruh terhadap tekanan kewangan.

Antara implikasi kajian yang digunakan adalah untuk memberi saranan langkah kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk diberi perhatian serta mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu mahasiswa/i yang menghadapi tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia. Dapatan daripada kajian ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan untuk pihak atasan seperti pihak institusi pengajian tinggi untuk membendung masalah tekanan kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa/i universiti di Malaysia. Hal ini secara langsung dapat mengurangkan mahasiswa/i yang hendak menangguhkan atau berhenti daripada pengajian yang menyebabkan berlakunya keciciran mahasiswa/i universiti pada setiap sesi akademik.

1.10 KESIMPULAN

Bab ini menjelaskan tentang isu yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji oleh pengkaji dan menerangkan idea asas penyelidikan berdasarkan isu semasa. Bab ini telah menerangkan secara ringkas tentang latar belakang dan permasalahan kajian yang dijalankan berkaitan dengan pengaruh tekanan kewangan dalam kalangan mahasiswa/i universiti di Malaysia. Seterusnya, bab ini telah menyediakan beberapa objektif yang



perlu dicapai, persoalan-persoalan yang perlu ditangani, hipotesis-hipotesis yang perlu diuji, definisi konstruk kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Pada bab yang seterusnya, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian yang lepas dan memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan teori-teori yang dijadikan sebagai asas pembentukan rangka kerja penyelidikan dan hipotesis penyelidikan juga akan dijalankan.

